

18 AUG 1996

Lim-Oleokimia

DUTI EKSPORT MUNGKIN DIKENAKAN TERHADAP BAHAN MENTAH ASAS OLEOKIMIA

SITIAWAN, 18 Ogos (Bernama) -- Kementerian Perusahaan Utama mungkin mengenakan duti eksport terhadap bahan mentah asas oleokimia bagi "sebahagiannya menggalakkan dan memaksa" 15 kilang oleokimia di negara ini untuk mendalami kegiatan hiliran.

Menteri berkenaan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik hari ini berkata kementerian sedang mengawasi keadaan dan akan mengenakan duti jika perlu bagi memastikan bahan-bahan mentah itu kekal dalam negara untuk membolehkan pengeluaran lebih banyak barangan siap tempatan termasuk barangan pengguna.

Buat masa ini, kilang-kilang oleokimia, sesetengahnya merupakan usahasama antara syarikat antarabangsa dan tempatan, mengeluarkan hanya oleokimia asas seperti glycerol dan asid lemak yang dieksport ke Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun untuk diproses bagi menjadikannya barangan siap, katanya.

Dr Mahathir telah berkata barangan siap seperti pencuci, kosmetik, pelincir, bahanapi, barangan farmasi dan makanan haiwan yang berharga berkali ganda daripada bahan mentah, boleh dikeluarkan daripada asas oleokimia yang didapatkan daripada minyak sawit.

Dr Lim berkata syarikat-syarikat Malaysia juga harus menyetengahkan jenama mereka sendiri dengan menggunakan bahan mentah asas oleokimia negara yang jauh lebih baik untuk mengeluarkan lebih banyak barangan siap.

Melalui penyelidikan dan pembangunan yang intensif, komposisi kimia oleokimia boleh "dipecahkan" seperti petrokimia dan dengan menambah bahan-bahan lain, produk baru boleh dicipta, katanya.

Sebagai contoh dalam petrokimia, rangkaian karbon dan hidrogennya boleh "dipecahkan" dan bersama bahan lain, produk seperti getah tiruan dan plastik dikeluarkan, katanya.

Pusat Kemajuan Teknologi Oleokimia di Bandar Baru Bangi, di bawah Institut Penyelidikan Minyak Sawit Malaysia (Porim), telah beroperasi sejak Januari untuk melakukan R&D dalam penggunaan industri minyak sawit, yang menekankan kepada barangan siap.

Dr Lim berkata walaupun oleokimia mempunyai komposisi kimia yang serupa dengan petrokimia, oleokimia boleh diperbaharui dan mudah hapus, menjadikannya diterima di dunia yang kini mengambil berat tentang alam sekitar.

Mengenai minyak sawit, beliau berkata Malaysia berjaya mempromosikan minyak sawit sebagai minyak makan sejak 10 tahun lepas dan kini ia dijual di kira-kira 100 negara.

"Minyak sawit terdiri daripada 35 peratus pasaran dunia minyak dan lemak. Daripada 35 peratus itu Malaysia mempunyai 62 peratus menjadikannya pengeport utama minyak sawit dunia."

Dr Lim berkata Malaysia juga telah membuktikan bahan minyak sawit pelbagai kegunaannya, menjimatkan dan berzat dan "ia telah diterima sebagai minyak yang menjadi permintaan dunia hari ini."

--BERNAMA

ASM RON